



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/83 (HQ)

TERAP ASPEK KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PELAJAR

- 120 pelajar muncul graduan Program Kepimpinan Pelajar PINTAR-TNB120
- Selari inisiatif TNB melahirkan 'Young Future Leaders'

Seramai 120 pelajar mendapat pendedahan berguna berkenaan aspek-aspek kepimpinan menerusi Bengkel Kepimpinan Pelajar PINTAR-TNB120 anjuran Tenaga Nasional (TNB) yang diadakan di hotel Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.

Bengkel itu, yang diadakan sebagai penutup kepada Program Kepimpinan Pelajar PINTAR-TNB120 berlangsung selama 3 tahun, diadakan untuk pelajar terpilih dari 18 sekolah angkat dibawah PINTAR Foundation yang baru menamatkan Tahun Enam.

Ia adalah satu program Tanggungjawab Korporat yang disertai TNB dibawah inisiatif syarikat utiliti itu untuk melahirkan 'Young Future Leaders', seiring dengan slogan TNB, 'Better, Brighter'.

Dalam bengkel tersebut, pelajar diberi bimbingan tentang kemahiran insaniah (*soft skills*), terutamanya kemahiran memimpin, kemahiran menyelesaikan masalah, pemikiran kritis dan kemahiran komunikasi.

Dalam upacara penutupan bengkel, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata program ini memberi akses pendidikan berkualiti dan holistik kepada pelajar luar bandar.

"Program Tanggungjawab Korporat TNB menjurus kepada tiga bidang utama iaitu pendidikan, sosio-ekonomi (termasuk sukan) dan pemuliharaan alam sekitar.

"Menerusi pendidikan, diharapkan ia dapat membantu pelajar ini berjaya dan kejayaan itu kelak boleh dinikmati bersama oleh keluarganya.

"Menyedari itu, TNB telah menjadi antara Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terawal menyertai PINTAR Foundation untuk mengambil sekolah angkat di kawasan luar bandar," katanya.

Bengkel Kepimpinan Pelajar PINTAR-TNB120 yang berlangsung selama tiga hari itu berakhir pada 6 Disember 2019.

Pada majlis yang sama, pelajar program yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR baru-baru ini telah menerima hadiah yang disampaikan Roslan. Lima pelajar mendapat keputusan 6A, sementara 10 mendapat keputusan 5A. 12 pelajar yang mendapat keputusan 4A turut menerima hadiah.

Mengenai Program PINTAR TNB

Program sekolah angkat PINTAR (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) TNB bermula sejak 2007 dengan 40 buah sekolah di seluruh negara, kebanyakannya di luar bandar.

Saringan dilakukan bagi memilih pelajar Tahun Empat untuk menyertai program tersebut dan mereka diberi bantuan dari aspek akademik (bantuan tuisyen, langganan portal akademik dan kursus) serta sukan (klinik dan peralatan hoki). Kumpulan pelajar ini akan terus dibantu sehingga mereka manamatkan Tahun Enam.

Bermula pada 2017, 18 buah sekolah diserap ke dalam program PINTAR dan TNB mengambil pendekatan berbeza dengan menerapkan program-program yang menekankan aspek kepimpinan dan pembentukan individu yang memiliki daya saing yang tinggi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 Disember 2019, jam 12.00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Muhammad Nasiruddin Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*



Caption 1:

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (tiga dari kanan) dan Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek (empat dari kanan) melihat Hadiah Tokoh Pelajar yang diterima Muhammad Haziq Waquiuddin Hilmi dari SK Selama, Perak, pada majlis Bengkel Kepimpinan PINTAR-TNB120 yang berlangsung di Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam semalam, sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif PINTAR Foundation, Karimah Tan Abdullah (kanan).



Caption 2:

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (kiri), Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek (kanan) bersama pemenang Hadiah Tokoh Pelajar Program Kepimpinan Pelajar PINTAR-TNB120 Muhammad Haziq Waquiuddin Hilmie (dua dari kiri) dari SK Selama, Perak dan Nur Amani Najwa Ahmidi dari SK Jelutong, Pulau Pinang pada majlis penutup program di Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.



Caption 3:

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (duduk tengah), Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek (duduk kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif PINTAR Foundation, Karimah Tan Abdullah (duduk kanan) bersama peserta Program Kepimpinan PINTAR-TNB120 dan guru-guru pengiring pada majlis penutup yang diadakan di Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.